



Dari kiri, Prof M Fakhru'l-Razi, Prof Mohd Salleh, Eduardo dan Mario.

“  
MELALUI USAHA  
SAMA INI, TAHAP  
KEUPAYAAN  
TENAGA  
PENGAJAR DAN  
PELAJAR DAPAT  
DITINGKATKAN  
SETERUSNYA  
MELAHIRKAN  
GRADUAN MAHIR  
DALAM BIDANG  
INI PADA MASA  
DEPAN”

Prof Mohd Saleh Jafar

## Kerjasama pintar Texas Instruments, UPM

VARSI

REDAKSI

PENYERANG URUSAN KUMPULAN NSTP  
Datuk Abdul Jafri Hamid

PENYERANG KUMPULAN BH  
Datuk Mior Kamarul Shahid

TIMBALAN PENYERANG KUMPULAN BH  
Mahfar Ali

Universiti Putra Malaysia (UPM) menjalin kerjasama pintar dengan Texas Instruments (TI), iaitu syarikat semikonduktor dan pengeluar litar bersepadu analog terbesar di dunia.

Kerjasama itu sebagai langkah untuk mengukuhkan kepakaran kejuruter-

aan analog elektronik di universiti berkenaan.

Lebih membanggakan, UPM ialah universiti pertama di Asia Tenggara yang dipilih TI untuk menjalankan usaha sama dengan menyediakan program latihan kepada pelajar di universiti berkenaan.

### Ujian litar bersepadu

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM, Prof Datuk Ir Dr Mohd Saleh Jafar, berkata pihaknya melihat kerjasama itu dapat meningkatkan mutu pembelajaran serta penyelidikan dalam bidang pengujian litar bersepadu di negara ini.

Katanya, TI menyediakan kemudahan pengujian, latihan dan sokongan teknikal kepada tenaga pengajar dan pelajar di UPM bagi program sarjana muda elektronik.

“Antaranya ialah model peralatan ujian automatik bagi ujian litar bersepadu

analog yang membolehkan pelajar mempelajari asas elektronik analog dan melatih mereka cara alat kompleks itu beroperasi termasuk mengesan kesilapan semasa proses pembuatan.

### Meningkatkan keupayaan

“Melalui kerjasama ini, tahap keupayaan tenaga pengajar dan pelajar dapat meningkatkan seterusnya melahirkan graduan mahir dalam bidang ini pada masa depan,” katanya dalam majlis menandatangani memorandum persefahaman UPM dan TI di sini.

Yang turut hadir, Dekan Fakulti Kejuruteraan, Prof Dr Fakhru'l-Razi Ahmadun, Pengarah Ujian Kejuruteraan TI Malaysia, Mario A Bolanas.

Sementara itu, Pengarah Urusan TI, Eduardo Bernal, berkata pemilihan UPM dinilai berdasarkan aspek kualiti pengajaran dan pembelajaran serta tenaga akademik dan pelajar.

Oleh Norhidayah  
Che Din  
norhidayah@  
bharian.com.my

► Serdang